

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|---|-----------------------|
| 1. | Kerajaan peruntuk RM50 juta untuk dasar 'pembelian semula' | Utusan Malaysia |
| 2. | MOSTI peruntuk RM50j tahun ini | Sinar Harian |
| 3. | MOSTI peruntuk RM50 juta untuk dasar pembelian balik tahun ini | BERNAMA |
| 4. | MOSTI allocating RM50 milion for 'buy back' policy | The Malaysian Insider |
| 5. | Tayangan percuma sempena ulang tahun Planetarium Negara Sabtu ini | BERNAMA |
| 6. | Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hingga 7 Feb | BERNAMA |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 6 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

Kerajaan peruntuk RM50 juta untuk dasar 'pembelian semula'

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memperuntukkan RM50 juta di bawah dasar baharu 'pembelian semula' bagi menggalakkan peserta industri tempatan menghasilkan produk yang inovatif tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, di bawah dasar 'pembelian semula' tersebut, kementerian akan memberi geran kepada pencipta inovasi terpilih dan membeli produk-produk baharu yang dihasilkan.

"Jumlah RM50 juta ini adalah sebagai langkah permulaan. Sekiranya hasilnya bagus, kita akan minta kerajaan membuat penambahan dana. Saya menasaskan RM500 juta dana menjelang

tahun 2020.

"Produk yang telah siap, kemudiannya kita akan beli semula dan bagi kepada jabatan yang berkaitan untuk diuji keberkesanannya sebelum memasarkan produk tersebut," katanya selepas merasmikan seminar Jaringan Kerja Industri Biomass Malaysia 2015 di sini hari ini.

Menurut Abu Bakar, setakat ini kementeriannya membiayai 15 projek dengan anggaran nilai keseluruhan RM3.5 juta.

"Ini usaha untuk meningkatkan (jumlah) projek dan terpulang kepada masyarakat yang ada pada hari ini, sekiranya kita dapat tambah sehingga 50 projek menjelang akhir tahun ini, itu sudah cukup bagus," katanya.

Mosti peruntuk RM50j tahun ini

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) memperuntukkan RM50 juta di bawah dasar 'pembelian balik' yang baru dilaksana tahun ini, bagi menggalakkan peserta industri tempatan menghasilkan produk inovatif.

Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata di bawah polisi itu, Mosti akan memberi geran kepada pencipta inovasi terpilih dan membeli produk yang dihasilkan sebelum diagih kepada jabatan berkaitan untuk diuji keberkesannya dan kemudian dipasarkan.

"RM50 juta ini adalah sebagai permulaan. Sekiranya (sambutan) bagus, kita akan minta kerajaan membuat penambahan (dana). Saya menasaskan RM500 juta (dana) menjelang tahun 2020," katanya selepas merasmikan Seminar Jaringan kerja Industri Biomass Malaysia 2015, di Puchong, semalam.

Mengulas projek biomass, Abu Bakar setakat ini Mosti membiayai 15 projek dengan anggaran nilai keseluruhan RM3.5 juta.

Katanya angka itu amat rendah dan MOSTI menasaskan untuk menambah 50 projek baharu menjelang akhir tahun ini.

"Kita kekurangan permohonan pembiayaan projek dalam industri biomass ini, jadi kita menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 50 permohonan baharu untuk tahun ini," katanya. -Bernama



Mosti Peruntuk RM50 Juta Untuk Dasar Pembelian Balik Tahun Ini

PUCHONG, 5 Feb (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) memperuntukkan RM50 juta di bawah dasar 'pembelian balik' yang baru dilaksana tahun ini, bagi menggalakkan peserta industri tempatan menghasilkan produk inovatif.

[Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata di bawah polisi itu, MOSTI akan memberi geran kepada pencipta inovasi terpilih dan membeli produk yang dihasilkan sebelum diagih kepada jabatan berkaitan untuk diuji keberkesannya dan kemudian dipasarkan.

"RM50 juta ini adalah sebagai permulaan. Sekiranya (sambutan) bagus, kita akan minta kerajaan membuat penambahan (dana). Saya menyasarkan RM500 juta (dana) menjelang tahun 2020," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Jaringan kerja Industri Biomass Malaysia 2015, di sini hari ini.

Mengulas projek biomass, Abu Bakar setakat ini MOSTI membiayai 15 projek dengan anggaran nilai keseluruhan RM3.5 juta.

Katanya angka itu amat rendah dan MOSTI menyasarkan untuk menambah 50 projek baharu menjelang akhir tahun ini.

"Kita kekurangan permohonan pembiayaan projek dalam industri biomass ini, jadi kita menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 50 permohonan baharu untuk tahun ini," katanya.

-- BERNAMA



Mosti allocating RM50 million for 'buy back' policy

The **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** is allocating RM50 million under its newly implemented 'buy back' policy this year, in order to encourage local industry players to come up with innovative products.

Under the 'buy back' policy, MOSTI will purchase new products and distribute them to government ministries, said **Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

"The RM50 million is a first step, if the results are good, we will request for additional funding from the government.

"I am targeting a RM500 million fund by 2020," he told reporters after opening the Malaysia Biomass Industry Networking 2015 seminar in Puchong today.

"Under the 'buy back' scheme, we will give a grant to selected innovators to enable them to develop their products.

"We will then buy back the finished products and give to the relevant department for testing before marketing the products," he said, without disclosing the target number of products under the scheme.

Abu Bakar also expressed hope the number of MOSTI-financed projects would rise significantly from the present 15 worth a total of RM3.5 million.

"If we can get 50 applications for new biomass projects by year-end, that would be good enough," he said.

